

FOTO: SYAHIRAH ISMAIL

Selidik Raflesia pertama UniSZA

■ Spesies bunga terbesar dunia ditemui di ladang IPT terbabit

Oleh Ahmad Rabiul Zulkiffi
am@mediaprima.com.my
Kuala Terengganu

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menemui bunga pakma atau lebih dikenali dengan panggilan Rafflesia di ladang penyelidikan milik institusi pengajian tinggi (IPT) itu di Pasar Akar Besut.

Sehubungan itu, UniSZA mempelawa penyelidik di negara ini membuat kajian spesies bunga terbesar di dunia itu.

Pensyarah Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan UniSZA Norhayati Yahya berkata, penemuan itu

adalah yang pertama dilaporkan di ladang berkenaan kerana ia sejenis tumbuhan unik serta mempunyai taburan sangat terhad di seluruh dunia.

"Ini khazanah alam berharga dan pelbagai kajian dapat dilakukan antaranya ekologi, pemuliharaan atau pengekalan termasuk melalui pembiakan.

"Paling menarik, pakma turut dikenali sebagai tumbuhan herba terutama bagi kesihatan wanita. Justeru, kajian lebih mendalam mengenainya perlu dijalankan bagi memberi manfaat secara keseluruhan kepada orang ramai," katanya di sini, semalam.

Norhayati berkata, berda-

sarkan kajian sebelum ini, tumbuhan berkenaan mudah melalui proses pereputan sekiranya disentuh dan tidak boleh ditanam semula atau dipindah ke tempat lain kerana pembiakannya berlaku secara semula jadi.

"Bunga pakma tidak seperti spesies bunga lain kerana ia memiliki bentuk seperti kulat dan tidak berdaun, tiada batang serta akar. Tumbuhan ini juga biasanya tumbuh di atas kayu atau atas tanah dan akan mengeluarkan bau busuk apabila kembang," katanya.

Beliau berkata, spesies bunga itu ditemui tumbuh di atas tanah di pinggir sungai berhampiran Hutan Simpan Pelagat dalam saiz yang kecil dan sudah mencapai tahap matang.

"Kuntumnya sebesar limau bali dengan lima kelopak. Bunga yang saiz ditemui itu mungkin spesies kecil atau pembesarannya terbantut kerana pengaruh persekitaran seperti tahap nutrien serta kepadatan tumbuhan.

"Bagaimanapun UniSZA teruja kerana tumbuhan itu masih boleh tumbuh dan muncul kerana taburan benihnya banyak ditemui sekitar kawasan itu," katanya.



"Ini khazanah alam berharga dan pelbagai kajian dapat dilakukan"
Norhayati Yahya

NORHAYATI sedang melihat bunga Pakma yang ditemui di ladang penyelidikan UniSZA, Pasar Akar Besut.